

SMK Abdul Rahim bertekad capai kecemerlangan pendidikan

PERSATUAN Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Abdul Rahim, Kudat telah menganjurkan Majlis Seminar Keibubapaan, Ceramah Motivasi PMR, SPM dan STPM serta Pelancaran Program Persatuan Ibu Bapa dan Guru 2012, baru-baru ini.

Majlis yang diadakan di dewan sekolah berkenaan dihadiri oleh lebih kurang 500 peserta yang terdiri daripada calon-calon peperiksaan PMR, SPM dan STPM serta guru-guru dan ibu bapa.

Program itu dirasmikan oleh Pegawai Pelajaran Daerah Kudat, Nordin



JURAIID menyampaian cenderamata sebagai tanda penghargaan kepada Nurdin (kanan) daripada pihak PIBG SMK Abdul Rahim.

merupakan seorang ahli akademik dan juga Dekan Sekolah Pertanian Lestari, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Sandakan.

Dalam cara yang santai tetapi jelas dan tegas, dengan kiasan dan simulasi, Dr Mahmud telah berkongsi tentang kuasa anjakan paradigma menuju ke arah kecemerlangan hidup.

Para peserta dan guru-guru yang sempat ditemui turut menyatakan rasa puashati mereka dengan ceramah motivasi yang disampaikan.

“Ceramah yang kami dengar pada hari ini amat berkesan kerana disulami dengan simulasi

dorongan kepada pelajar supaya lebih berusaha untuk menempatkan diri masing-masing dalam kalangan pelajar yang cemerlang.

Di samping itu, ia menjadi wacana ke arah merapatkan lagi hubungan mesra pihak sekolah dengan masyarakat khususnya ibu bapa, guru-guru dan murid-murid sendiri.

Menurut Penolong Kanan, Cikgu Shariff Azad, ceramah oleh Dr Mahmud ini, cukup memuaskan dan telah

PPD Kudat, Nurdin Awang Besar ketika berucap merasmikan majlis berkenaan.



meningkatkan kefahaman hadirin tentang kuasa anjakan paradigma ke arah mencapai kecemerlangan secara lebih fokus dan sistematik.

Di akhir majlis, Pengetua Cemerlang SMK Abdul Rahim Kudat, Abdul Wahab telah menyampaikan hadiah dan cenderamata kepada penceramah dan peserta yang menjayakan seminar berkenaan.



PENGETUA Cemerlang SMK Abdul Rahim, Abd Wahab Maadah (dua kiri) menyampaian cenderamata kepada Nurdin.

Awang Besar.

Turut hadir Pengetua Cemerlang SMK Abdul Rahim, Abdul Wahab Maadah, Yang Dipertua PIBG SMK Abdul Rahim, Juraidi Silah dan Penolong Kanan, Shariff Azad Shariff Attar.

Dalam ucapan alu-aluannya, Juraidi selaku pengerusi penganjur mengucapkan terima kasih atas kehadiran PPD Kudat serta penceramah yang terdiri daripada Timbalan PPD Daerah Kudat, Datu Akdan Datu Basran, Hajah Zulpah Tun Datu Mustapha dan Prof Madya Dr Mahmud Sudin dari Universiti Malaysia Sabah, Kampus Sandakan.

Datu Akdan dan Zulpah mengisi program ceramah keibubapaan di sebelah pagi sementara Dr Mahmud menyampaikan ceramah motivasi kepada pelajar PMR, SPM dan STPM pada sebelah petang.

Juraidi juga berterima kasih kepada pihak sekolah dan guru-guru SMK Abdul Rahim serta Ahli Jawatankuasa atas kerjasama yang diberikan sehingga program itu dapat dijayakan.

Katanya, program itu bertujuan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan kepada ibu bapa tentang kepentingan pelajaran terhadap anak-anak di samping dapat mengimbuai kelemahan dan kekuatan yang ada pada setiap mereka khususnya dalam pelajaran, memberi kesedaran kepada pelajar tentang potensi yang ada pada diri masing-masing dan memperkukuh betapa pentingnya potensi itu dikembangkan.

“Program seumpama ini juga untuk membina dan mengeratkan hubungan baik antara PIBG dengan PPD dan pihak sekolah, memberi motivasi dan semangat kepada pelajar PMR, SPM dan STPM untuk meningkatkan kecemerlangan diri,” katanya.

Pengetua Cemerlang SMK Abdul Rahim, Abdul Wahab Maadah pula menyentuh mengenai perkembangan sekolah dari sudut pencapaian akademik dan kokurikulum.

Beliau melahirkan rasa bangga dengan

peningkatan peratusan pencapaian akademik SMK Abdul Rahim.

Abdul Wahab berkata nama SMK Abdul Rahim telah melonjak apabila berjaya mewakili daerah Kudat ke peringkat negeri dalam pelbagai pertandingan seperti drama seni, sukan, kompang dan nasyyid.

Dalam ucapan perasmian, Nordin menyatakan program seminar motivasi dan keibubapaan merupakan inisiatif yang amat baik

ke arah meningkatkan lagi kesedaran dan kefahaman pelajar dan ibu bapa tentang cara yang berkesan dalam mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM.

Beliau turut menyatakan sumbangan-sumbangan serta kemajuan prasarana yang diusahakan oleh pihaknya di Jabatan Pelajaran Daerah Kudat demi mempermudah lagi proses pengajaran dan pembelajaran bagi maksud kecemerlangan pendidikan di daerah Kudat.

Menjadi harapan beliau agar pencapaian prestasi cemerlang di sekolah-sekolah di daerah Kudat, khususnya di SMK Abdul Rahim, bukan sahaja terus dikekalkan malah dipertingkatkan lagi pada masa-masa akan datang.

Menyusuli acara perasmian adalah ceramah motivasi oleh penceramah jemputan iaitu Prof. Madya Dr Mahmud Hj Sudin.

Yang Dipertua PIBG, Juraidi Silah telah menyemarakkan majlis apabila memperkenalkan Dr Mahmud yang




PENGETUA Cemerlang SMK Abdul Rahim, Abd Wahab menyampaian cenderamata kepada Prof. Madya Dr Mahmud (kanan).

untuk kami sertai dan di sebalik setiap simulasi mempunyai intisari pengajaran yang membuka minda,” kata Juraidi.

Tambahnya, ini selari dengan hasrat PIBG sekolah ingin menyuntik semangat dan memekarkan

SALAH seorang peserta yang turut serta menyuarakan b u a h fikiran dan interpretasi oleh simulasi motivasi Dr Mahmud.



PARA peserta khusyuk mendengar tip-tip motivasi yang disampaikan oleh Dr Mahmud Hj Sudin.



SEBAHAGIAN daripada peserta majlis seminar motivasi SMK Abdul Rahim, Kudat.



PENGERUSI PIBG, Juraidi Silah serta Penolong Pengetua, Sh. Azad Sh Attar (kanan) bersama-sama peserta lain terlibat dalam aktiviti sesi motivasi Dr Mahmud.